

07 JUN 2002
Abdullah-PAS
KERAJAAN PAS TERENGGANU ANGKUH, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kenyataan Kerajaan PAS Terengganu bahawa ia akan membentangkan Rang Undang-undang Enakmen Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) bulan depan tanpa merujuk drafnya kepada Jabatan Peguam Negara menunjukkan sikap angkuh PAS.

Timbalan Perdana Menteri berkata kerajaan PAS seharusnya mengemukakan draf rang undang-undang itu kepada Jabatan Peguam Negara kerana ia adalah suatu peraturan untuk berbuat demikian.

"Itu bukan satu proses pertimbangan undang-undang, itu adalah peraturan, kita ada peraturan.

"Yalah, Tuhan itu kita mengutamakan, tapi dalam alam ini ada peraturannya, kalau tak ada peraturan, kita akan jadi lebih kelam kabut," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan antarabangsa mengenai kejuruteraan bio-perubatan di sini hari ini.

Abdullah diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang Rabu, yang dilaporkan sebagai berkata bahawa kerajaan Terengganu akan membentangkan rang undang-undang itu tanpa merujuk kepada Jabatan Peguam Negara kerana berpendapat kewajibannya kepada tuhan adalah lebih besar daripada memenuhi permintaan Jabatan Peguam Negara.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan bahawa peraturan-peraturan yang dibuat oleh kerajaan bukanlah sesuatu yang menentang Islam.

"Kita nak buat undang-undang dan undang-undang pun penting untuk manusia hidup, bagaimanapun cara dan proses untuk melaksanakan undang-undang itu mestilah mengikut peraturan.

"Kalau dunia tak ada peraturan, kita semua jadi kelam kabut," katanya.

Beliau juga ditanya pandangannya mengenai penubuhan sebuah jawatankuasa tindakan bersama oleh pelbagai pertubuhan dan pihak yang mewakili wanita bagi menentang peruntukan hudud yang dicadangkan Kerajaan Terengganu yang dianggap menganiayai wanita.

Abdullah berkata penubuhan jawatankuasa itu adalah reaksi pihak-pihak berkenaan yang berasa tidak senang hati dengan beberapa perkara yang terkandung dalam draf undang-undang itu.

Pihak-pihak itu katanya menentang dengan hebat sekali perkara-perkara yang dianggap tidak akan mencapai keadilan.

"Undang-undang Islam ialah sesuatu yang mengutamakan keadilan, apa ertinya kalau kita melaksanakan undang-undang dengan menggunakan satu cara dan sistem yang akhirnya menyebabkan kezaliman berlaku," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berharap kebimbangan pihak-pihak berkenaan akan diberi perhatian oleh Kerajaan Terengganu kerana cara pelaksanaan undang-undang yang dicadangkan itu perlu dihalusi dengan mengambilkira pandangan pihak lain.

Mengenai penangkapan pengerusi DAP Lim Kit Siang mengikut Akta Hasutan, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata Lim yang telah dibebaskan dengan ikat jamin akan dihadapkan ke mahkamah.

Lim ditangkap di pasar Pasir Pinji, Ipoh Rabu lepas ketika mengedarkan risalah kempen parti "No to 911, No to 929, Yes to 1957".

Abdullah menganggap tindakan yang dibuat oleh Lim bermotifkan politik kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah membuat penjelasan mengenai kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam tetapi Lim memilih untuk membuat kenyataan lain yang pada pandangan polis wajar diambil tindakan.

"Kenyataan yang dibuat oleh PM itu bukankah satu kenyataan bahawa kita mempunyai satu agenda untuk menjadikan negara ini negara Islam dengan tindakan-tindakan yang diambil pada peringkat-peringkat tertentu.

"Apa yang PM kata dengan jelas ialah bahawa dengan pembangunan yang telah berjalan selama ini dan dengan kedudukan orang Islam, peranan mereka dalam pembangunan, kerajaan dan sebagainya, dengan sistem perundangan yang ada pada kita dan pembangunan yang kita laksanakan hingga menepati dengan ajaran agama, untuk menjadikan negara kita aman dan selamat, untuk memajukan ummah dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang ilmu pengetahuan dan sistem perubatan, dan lain-lain yang kita capai, maka negara ini adalah negara Islam," katanya.

Abdullah berkata hakikatnya ialah apa yang telah dicapai pada hari ini, kerajaan tidak berbuat sesuatu yang menimbulkan kesusahan kepada penganut agama lain dan tidak pernah menjadi penghalang kepada penganut agama lain untuk meneruskan amalan agama mereka kerana itu telah terjamin dalam perlembagaan negara.

Timbalan Perdana Menteri turut hairan kenapa Lim tidak bertindak terhadap usaha PAS untuk memperkenalkan hudud.

"Nyata sekalilah, kalau PAS buat tak apa, kalau Umno buat tak boleh.

"Maka dalam konteks itu, pada pandangan sayalah nampaknya tindakan beliau ada berbau politik," katanya.

Mengenai laporan berita yang memetik "Political and Economic Risk Consultancy (PERC)" sebagai berkata bahawa Malaysia mencatatkan 6.29 mata dan gagal mencapai tahap lulus bersama beberapa negara Asia lain bagi sistem undang-undang dan kepolisian, Abdullah berkata pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mempunyai pendapat berbeza dalam banyak perkara.

Setakat yang membabitkan polis Malaysia, beliau berkata pasukan itu sedia belajar, sedia untuk membuat perubahan dan sedia untuk memberi respons positif berdasarkan apa sahaja maklumat belas yang diterima bagi memperbaiki kualiti perkhidmatannya.

Prestasi polis Malaysia tinggi dalam menangani jenayah kerana kadar kejayaan menyelesaikan kes-kes jenayah adalah tinggi daripada purata penyelesaian polis antarabangsa (Interpol).

Menjawab soalan seorang wartawan Amerika bahawa Malaysia dilapokran sebagai negara pertama yang memaklumkan kepada pihak berkuasa Amerika pada Januari 2000 mengenai seorang daripada suspek dalam serangan pada 11 September, Abdullah berkata pihak berkuasa Malaysia diberi maklumat mengenai kehadiran lelaki itu di sini dan mengesahkan maklumat itu kepada Amerika Syarikat.

"Kita tidak tahu siapa lelaki itu ketika itu, kita memang mengesahkan bahawa lelaki itulah yang diperkatakan, dan dia berada di sini, dan apa yang hendak dilakukannya, apa yang dilakukannya, bukan sesuatu yang dalam pengetahuan kita," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau tidak mengetahui sama ada Malaysia telah memaklumkan kepada pihak berkuasa Amerika bahawa suspek terbabit sedang menuju ke Amerika kerana butirannya merupakan maklumat risikan.

"Saya tidak tahu apa yang akan dilakukan oleh Amerika (dengan maklumat itu), kita tidak boleh tanya apa yang mereka hendak lakukan ke atas lelaki itu atau tindakan yang hendak mereka ambil, maklumat lain yang mereka perolehi membabitkan lelaki itu," katanya.

-- BERNAMA

AFY HS LAT